

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Khairy berseloroh mahu tanding kerusi di Kedah

**Langkawi:** "Hari ini (semalam) saya berada di sini untuk berbincang dan berunding (bertanding kerusi Parlimen) dengan Menteri Besar Kedah," kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata demikian secarase berseloroh selepas diminta mengulas sama ada ada mana-mana negeri telah menawarkan beliau bertanding Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Katanya, tidak mustahil perkara itu berlaku kerana ibunya berasal dari Kedah.

"Mak saya dari Kedah," katanya pada sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliba di sini, semalam.

Majlis perasmian itu disempurnakan Sultan Kedah, Al Amru Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliba Tengku Ariff.

Menyertai majlis tersebut ialah Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang

berada di sisinya pada sidang media itu turut mencelah dengan berkata, "dialu-alukan... tadi dengan (Khairy) sebut Aloq Setaq, Aloq Setaq, cakap Kedah eloq dah."

Khairy kemudian dilihat tidak mahu memanjangkan isu itu dan menamatkan sidang media dengan berkata "Tak apalah."

Baru-baru ini, Khairy mengesahkan tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Rembau sebagai memberi laluan kepada Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan.

**Naik taraf HSM**  
Sementara itu, Khairy juga berkata HSM akan dinaih taraf sebagai hospital pakar utama dalam tempoh tiga tahun lagi, bagi memberi perkhidmatan lebih baik kepada pesakit.

Katanya, hospital itu memenuhi kriteria dan syarat diperlukan selepas bangunan tambahan bernilai RM515 juta siap sepenuhnya kelak.

Beliau berkata, kos pembinaan



Sultan Sallehuddin diiringi Sultanah Maliba berkenan merasmikan Pecah Tanah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliba di Langkawi, semalam. Turut hadir, Khairy; Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Seri Fadillah Yusof dan Muhammad Sanusi. (Foto BERNAMA)

bangunan itu membabitkan RM425 juta, manakala pembelian peralatan lebih RM75 juta dibuat bawah Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

"HSM juga akan menjadi hospital awam pertama di negara ini memiliki wad kelas ketiga yang dilengkapi pendingin hawa untuk keselesaan pesakit, keluarga yang menemani dan warga kerja hospital.

"Saya juga akan mohon semua hospital baharu selepas ini, mempunyai wad kelas ketiga di-

lengkapai kemudahan sama," katanya.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, pembinaan bangunan baharu menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS) itu bakal memuatkan 220 katil, sekaligus menjadikan keseluruhan katil hospital itu meningkat kepada 330.

"Untuk fasa seterusnya, permohonan akan diajukan kepada Kementerian Kewangan bagi mewujudkan Jabatan Forensik, (ketika ini) bila ada kematian di luar hospital, bedah siasat (mata) terpaksa dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar.

"Saya juga meluluskan peruntukan mewujudkan ambulans laut dalam tempoh terdekat untuk kemudahan penduduk Pulau Tuba membawa pesakit ke hospital," katanya.

Beliau berkata, bagi kes kecemasan pula, Jabatan Bomba dan Penyelamat akan menyediakan perkhidmatan penerangan 'Medical Evacuation' ke tanah besar bagi pesakit di HSM.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 18**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# ‘Najib diberi ubat sama ketika dalam rawatan HKL’

**KKM perjelas dakwaan alahan teruk dialami bekas PM**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
 bnnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menjelaskan, bahawa bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, diberikan jenis ubat yang sama, dipreskripsi sebelum ini seperti ketika beliau menerima rawatan dalam Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ubat yang diberikan adalah yang sama jenisnya dan berada dalam senarai ubatan KKM.

“Keadaan beliau juga sihat

sebelum dibenarkan discaj daripada HKL. KKM komited dan telus dalam pemberian perkhidmatan kesihatan kepada mana-mana individu, namun pada masa yang sama mempunyai tanggungjawab mematuhi tata etika kerahsiaan pesakit mengikut Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

“Sebarang maklumat terperinci mengenai kesihatan seseorang pesakit boleh dikemukakan, sekiranya diarahkan oleh mahkamah,” katanya dalam

satu kenyataan petang semalam.

**Didakwa alami kesan teruk**

Terdahulu, Najib dirujuk ke Hospital Kajang petang semalam, selepas dikatakan mengalami kesan teruk berikutan ubat darah tinggi baharu yang diambilnya. Keadaan itu dimaklumkan

Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram pada prosiding perbicaraan penyelewengan dana RM2.3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapi Najib

di Mahkamah Tinggi pagi semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, Najib dimasukkan HKL pada Jumaat lalu sebagai kes elektif (bukan kecemasan) untuk memastikan kesihatan beliau berada pada tahap yang baik dan optimum.

“Ketika itu, pemeriksaan dan ujian berkaitan dijalankan pakar perunding kanan bertauliah yang terdiri daripada ketua perkhidmatan klinikal bagi bidang masing-masing.

“HKL juga mengadakan sidang keluarga (*family conference*) sebanyak dua kali yang dihadiri mantan Perdana Menteri itu dan ahli keluarganya,” katanya.

Beliau berkata, keputusan ujian sudah dimaklumkan ketika sidang terabit mengikut amalan profesional kedoktoran dan mereka turut dimaklumkan mengenai keputusan sebulat suara pakar perunding agar beliau dibenarkan untuk didiscaj daripada HKL.

Keadaan beliau juga sihat sebelum dibenarkan discaj daripada HKL. Pada masa yang sama, KKM mempunyai tanggungjawab mematuhi tata etika kerahsiaan pesakit mengikut Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
 Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

**Rembau:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencadangkan agar majikan memberikan cuti tambahan sehari kepada pekerja untuk menjalani saringan kesihatan.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, kerjasama majikan awam dan swasta adalah penting dalam memastikan pekerja dapat melakukannya pemeriksaan kesihatan dan meminta Kementerian Kewangan melihat peraturan yang boleh dibuat supaya majikan di negara ini memberikan cuti itu.

"Apabila pekerja mahu melakukan pemeriksaan kesihatan, kebiasaannya setahun sekali, diharap majikan dapat berikan cuti, kadang-kadang apabila mahu melakukan saringan kesihatan, mereka terpaksa ambil cuti.

"Saya mohon majikan bagi cuti untuk tujuan saringan kesihatan sehari setahun kepada pekerja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Merdeka@Parlimen Rembau di Balai Raya Kampung Seri Kendong.

Turut hadir, Pengarah Penerangan Negeri Sembilan Zaaba Abu Bakar.

Khairy juga berkata, majikan perlu menga-

## SARINGAN KESIHATAN

# KKM cadang majikan beri cuti tambahan sehari

mbil kira situasi pekerja yang mungkin tiada masa untuk melakukan saringan kesihatan pada hujung minggu.

"Waktu bekerja tak boleh pergi, hari minggu sibuk dengan keluarga. Akhirnya mereka tak dapat buat saringan kesihatan.

"Perkara ini saya sudah minta untuk Belanjawan 2023 akan datang kerana ia ada kesan kepada majikan," katanya.

Media pada Julai melaporkan kesedaran rakyat mengenai ke-

pentingan perkara itu masih lagi rendah yang menyaksikan 53 peratus rakyat Malaysia tidak menjalani saringan kesihatan sejak setahun lepas.

Pada program itu, Khairy dalam ucapannya berkata, kebersamaan rakyat adalah penting bagi memastikan negara dapat mengharungi cabaran Covid-19 dalam negara.

Beliau berkata, kerjasama dan sokongan rakyat telah mendorong Malaysia memasuki fasa peralihan ke endemik Covid-19 hasil pematuhan terhadap keselamatan kesihatan awam keseluruhannya.

KHAIRY



**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : NEGARA**

## KKM rumus data tinjauan kesihatan Orang Asli bulan ini

**SHAH ALAM** — Kementerian Kesihatan (KKM) akan merumuskan data Tinjauan Kesihatan Orang Asli (OAHS) yang akan diterima secara menyeluruh bulan ini.

Timbalan Ketua Pengarrah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, data itu penting bagi mengenal pasti pelbagai aspek kesihatan masyarakat Orang Asli secara holistik.

Kata beliau, OAHS turut menumpukan berkaitan isu sosial, penyakit mental dan akses atau kemudahan pusat kesihatan.

"Kajian yang tidak hanya memfokuskan kesihatan Orang Asli itu perlu bagi mencari langkah penambahan boleh dilakukan kerajaan.

"Kita akan membuat rumusan data itu bulan ini dan akan



**MUHAMMAD RADZI** (tengah) melancarkan buku teknikal Covid-19 dan buku laporan negara Covid-19 di Institut Kesihatan Negara, Setia Alam, Shah Alam semalam. — ZULFADHLI ZAKI

menguar-uarkan kepada umum kelak," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Buku Lapo-

ran Teknikal Covid-19 dan The Covid-19 Chronicles di Institut Kesihatan Negara (NIH) di sini,

semalam.

Dua buku itu diterbitkan sebagai kompilasi maklumat dan

panduan umum mengenai usaha KKM menangani pandemik dalam tempoh dua tahun sejak 2020.

Julai lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan kementerian akan menggunakan hasil OAHS bagi menyediakan lebih banyak program kesihatan, perubatan, kemudahan dan sumber kepada masyarakat Orang Asli.

Tinjauan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) itu dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan bermula 13 Julai hingga hari ini dengan melibatkan 71 perkampungan Orang Asli dan 4,700 buah rumah di Semenanjung.

Jelas Muhammad Radzi, OAHS turut selaras dengan syor Kertas Putih Kesihatan yang memfokuskan akses dan ekuiti kesihatan negara.

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NEGARA**

Hospital Sultanah Maliha yang pertama dilengkapi fasiliti tersebut

## **Wad kelas ketiga ada pendingin hawa**

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**LANGKAWI** – Kementerian Kesihatan (KKM) akan memohon semua wad kelas tiga bagi setiap projek pembinaan hospital baharu dilengkapi pendingin hawa untuk memastikan keselesaan semua pesakit dan kakitangan hospital tersebut.

Menyatakan kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, Hospital Sultanah Maliha (HSM) di pulau peranginan ini bakal menjadi hospital awam pertama dengan wad kelas ketiganya dilengkapi pendingin hawa.

Katanya, kemudahan tersebut tersedia selepas projek pembinaan bangunan tambahan HSM yang bernilai RM515 juta itu dijadualkan siap pada 2025.

"Kita nak umum bahawa Hospital Sultanah Maliha ini akan menjadi hospital awam pertama dengan wad kelas tiga pun ada pendingin hawa.

"Selepas ini, kita akan mohon semua hospital baharu akan mempunyai wad kelas tiga yang dilengkapi kemudahan tersebut,"



**KHAIRY JAMALUDDIN** (kiri) mengiringi Sultan Sallehuddin (dua dari kiri) dan Sultanah Maliha melihat replika bangunan tambahan HSM di Langkawi, semalam.

katanya pada sidang akhir selepas berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Bangunan Tambahan HSM di sini semalam.

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff berkenaan menyempurnakan majlis pecah tanah tersebut.

Kata Khairy Jamaluddin, kemudahan pendingin hawa itu bukan sahaja untuk memastikan keselesaan pesakit, malah seluruh kakitangan termasuk jururawat yang bertugas di situ.

"Bukan kesian kepada pesakit sahaja, tetapi juga jururawat yang bertugas kerana wad kelas ketiga ini memang panas.

"Oleh itu, selepas ini kita akan tukar spesifikasi bagi wad kelas tiga ini bagi semua projek pembangunan hospital awam bahan-

"ujarnya.  
Menyentuh tentang projek pembinaan bangunan tambahan HSM, kata beliau, projek itu bakal menjadikan HSM pada ketika ini berstatus hospital pakar minor kepada major.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 19**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Hospital pakar utama menjelang 2025

Hospital Sultanah Maliha akan dinaiktaraf dengan peruntukan RM515.35 juta

## LANGKAWI

**H**ospital Sultanah Maliha di sini akan menjadi hospital pakar utama selepas projek pembinaan bangunan tambahan hospital itu dengan peruntukan RM515.35 juta siap sepenuhnya pada Julai 2025.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, hospital itu akan mempunyai 330 katil berbanding 110 katil sedia ada serta jumlah perjawatan me-

ningkat kepada 1,903 orang daripada 557 orang iaitu pertambahan sebanyak 1,346 anggota.

Beliau berkata, enam dewan bedah termasuk kerja infrastruktur, tempat letak kereta bertingkat, 40 unit kuarters kakitangan hospital, peralatan perubatan dan bukan perubatan serta peralatan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) antara yang akan disediakan dalam bangunan baharu itu nanti.

"Projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Sultanah Maliha ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dengan kos keseluruhan RM515.35 juta," katanya ketika berucap pada majlis pecah tanah projek itu yang disempurnakan Sultan Kedah Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah Sultanah Maliha Tengku



Sultan Sallehuddin bersama Sultanah Maliha dan Khairy (kiri) diberi taklimat mengenai model rekabentuk hospital ketika majlis Perasmian dan Pecah Tanah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha, Langkawi pada Isnin.

Ariff di sini pada Isnin.

Khairy mengharapkan fasiliti baharu itu nanti akan dapat meningkatkan lagi tahap kesihatan

rakyat Malaysia dalam usaha kerajaan menyediakan sistem penyampaian penjagaan kesihatan yang memenuhi keperluan rak-

yat.

Pada sidang media selepas majlis itu, Khairy berkata, bangunan baharu itu akan dilengkapi kemudahan penyaman udara bagi wad kelas tiga demi memastikan keselesaan pesakit serta ahli keluarga selain kakitangan hospital termasuk jururawat yang bertugas di wad berkenaan.

"Hospital Sultanah Maliha akan menjadi hospital awam pertama mempunyai wad kelas ketiga berhawa dingin dan saya akan mohon semua (pembinaan) hospital baharu selepas ini, pun ada penyaman udara (bagi wad kelas tiga)," katanya.

Selain itu, Khairy berkata, wad untuk penyakit berjangkit akan disediakan melalui projek bangunan tambahan itu memandangkan terdapat populasi migran di Langkawi yang kemungkinan berisiko merebaknya penyakit berjangkit. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : NEGERI

## Tiada kicap ABC dikesan mengandungi sulfur dioksida

KUALA LUMPUR - Tiada sampel produk kicap soya termasuk Kicap Soya Manis dan Sambal Sos Ayam Goreng jenama ABC di negara ini dikesan mengandungi sulfur dioksida berdasarkan pemantauan di semua pintu masuk dan pasaran tempatan dari Jun 2021 sehingga kini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, semakan ke atas data Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM) mengesahkan produk itu yang ditarik dari pasaran Singapura kerana mengandungi sulfur dioksida tidak diisyiharkan atau dilabel pada pembungkusan turut diimport ke negara ini.

"Sejak Jun 2021 arahan Tahan Uji Lepas (TUL) dikenakan ke atas produk berkenaan di semua pintu masuk negara.

"Arahan pelabelan semula atau arahan untuk dihantar semula ke negara asal turut dikeluarkan sekiranya tidak mematuhi keperluan pelabelan termasuk pelabelan sulfur dioksida," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dr Noor Hisham berkata, sulfur dioksida diklasifikasi sebagai bahan pengawet yang dibenarkan dalam makarian tertentu dan pada paras tertentu di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan ia tidak berbahaya kepada manusia apabila digunakan pada kepekatan yang dibenarkan.

Bagaimanapun, sulfur dioksida boleh menyebabkan kesan alergi kepada se-setengah individu yang menghidap lelah atau asma apabila terhiru atau tertelan

“

Sejak Jun 2021  
arahan Tahan  
Uji Lepas (TUL)  
dikenakan ke atas  
produk berkenaan  
di semua pintu masuk negara.”



- Dr Noor Hisham

dan kandungan sulfur dioksida melebihi 10 miligram bagi setiap kilogram hendaklah diisyihar atau dilabelkan.

Kementerian Kesihatan sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna dan orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau kemosyikilan mengenai isu-isu keselamatan makanan boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat.

Orang ramai juga boleh menyalurkan maklumat melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman rasmi Facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan iaitu [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq). - Bernama

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : NATION**

## Noor Hisham: Najib in good health, discharged from HKL

**PETALING JAYA:** Datuk Seri Najib Razak is in good health and has been allowed to be discharged from Hospital Kuala Lumpur (HKL), says the Health Ministry.

Its director-general Tan Sri Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the former prime minister was admitted on Friday as an elective or non-emergency case to ensure his health is at optimum level.

“Inspections and related tests were carried out by certified senior consultants consisting of heads of clinical services in their respective fields.

“HKL also conducted a family conference twice, which the former prime minister and his family members attended.

“The results of the tests were made known during these meetings according to the professional practice of medicine.

“They were also informed of the unanimous decision of the consulting experts that he would be allowed to be discharged from



**Just visiting:**  
 Nooryana said doctors found new ulcers in Najib's stomach after an endoscopy.  
 — Bernama

HKL,” he said in a statement yesterday.

In an Instagram post yesterday, Najib’s daughter Nooryana Najwa had said doctors found multiple new ulcers in his stomach after an

endoscopy on Saturday.

“The doctors also changed his medication from the usual one he had been taking for years and sent him back to Kajang,” she wrote, adding that Najib’s blood pressure

was dangerously high yesterday, “possibly due to the change in the medication”.

Dr Noor Hisham noted that the types of drugs prescribed during the ward admission were the same as those Najib used earlier and were on the ministry’s list of registered medicines.

“The ministry is committed and transparent in providing health services to any individual,” he said, adding that it was also responsible for complying with the code of ethics of patient confidentiality under the Medicines Act.

“Any detailed information about a patient’s health can be presented to the court if directed,” he said.

Last night, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the ministry had been directed to give the best care to Najib to ensure his well-being.

“I have instructed the Health Ministry to provide the best care he needs. I wish him good health,” he said in a tweet.